

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
VALENTINE WILLIE FINE ART, KUALA LUMPUR
MAJLIS "QURANIC CALLIGRAPHY THROUGH THE AGES"
05 FEBUARI 1999**

Dalam bulan Syawal yang mulia ini terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada hadirin yang saya hormati sekalian. Bersempena bulan Syawal ini pameran Kesenian Islam yang bertajuk "Quranic Calligraphy Through The Ages" dapat membawa kita menjelajahi satu bentuk kesenian yang sungguh unik dan unggul jarang dapat kita lihat barangkali di mana-mana pameran seni visual. Atas usaha murni ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Valentine Willie Fine Art dan Tuan Yang Terutama Dr. Norbert Heinrich Holl, duta besar Republik Jerman sebagai kurator jemputan. Dan kepada Siemens yang bermurah hati menaja pameran ini saya ucapkan syabas.

2. Tamaddun Islam telah tersebar luas keserata pelusuk dunia dalam peradaban selepas tahun Hijrah. Tamaddun Islam telah tersebar ke Morocco, ke selatan Itali dan Sepanyol, Arab Saudi ke Syria, dan Timur Turki, Mesopotamia, Uzbekistan, ke seluruh Asia Tengah dan negeri-negeri gugusan kepulauan Melayu antaranya Indonesia dan Malaysia. Dengan kemekaran jiwa Islam di negeri-negeri itu yang pasti ia mewarisi sebahagian besar kepercayaan falsafah, kesenian dan kebudayaan.

3. Kesenian tulisan khat Al-Quran adalah teras kepada kesenian Islam. Al-Quran yang dijilid dengan kulit bintang dihiasi indah dengan kegemerlapan kilauan air perada emas manakala huruf khat tulis tangan disulami dengan awan larat geometrik dan motif bunga merupakan antara keunikan kesenian Islam. Al-Quran yang terawal telah ditulis di atas kertas yang diperbuat dari kulit dan tulisan tangan huruf kufi yang dikatakan satu gaya tulisan yang seakan-akan sama dengan tulisan di mana Al-Quran mula-mula ditulis dalam bahasa Arab. Tulisan Khat itu telah menjadi satu manifestasi visual yang kemudiannya telah memperkembangkan dan memperkayakan seni tulisan khat yang lebih halus dan kreatif gayanya hinggalah ke hari ini.

4. Kepentingan seni tulisan khat ini dalam kesenian Islam dapat dilihat daripada penggunaan seni khat dan tulisan tangan ayat-ayat Al-Quran yang menjadi sumber ilham dan inspirasi dalam seni reka bangunan, bilik, batu marmar, seramik dan barang-barang kaca, barang ukiran logam dan lain-lain lagi. Seni tulisan khat adalah satu kesenian yang meletakkan dan menyampaikan syiar Islam di tempat yang paling atas dan dalam cara sebegitu intelektual dengan reka bentuk tulisan tangan yang paling unik yang aman ia tidak mungkin dapat dilakukan oleh unsur-unsur kesenian visual yang lain tetapi jika sekalipun boleh berkemungkinan agak sukar.

5. Pameran kesenian Islam kali ini satu contoh pameran yang baik kerana memberi kesempatan kepada kita menyaksikan Al-Quran yang bertulis tangan dengan huruf Kufi serta barangan khazanah kegemilangan tamadun Islam dari kurun ke-13 hingga ke masa kini yang datang dari Persia, dari zaman Ottoman, zaman Moghuls di India,

serta dari Asia misalnya dari negeri Cina dan juga dari kepulauan Melayu. Saya amat tertarik dengan bahan pameran yang berupa dua halaman mukasurat Al-Quran dalam tulisan khat Bihari yang berasal dari India yang berusia dari sekitar tahun 1400 A.D.

6. Saya berharap pameran ini akan beroleh kejayaan serta membawa makna yang mendalam kepada kita semua. Oleh itu dengan kesempatan ini saya dengan sukacita merasmikan pembukaan pameran "Quranic Calligraphy Through the Ages".